

**TEKS UCAPAN**

**NAIB CANSELOR UiTM**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR**

**SIDANG KE-5 (PETANG)**

**ISTIADAT KONVOKESYEN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE – 96**

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR**

**UiTM SHAH ALAM**

**22 MEI 2023 (ISNIN)**

## **Terima kasih Pengacara Majlis**

***Bismillahirrahmanirrahim.***

**ALHAMDULILLAH ROBBIL ‘AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA ‘ALAAAALIHI WASOHBIGHI AJMA’IN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang dihormati sekalian.

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-96.**
2. Selamat datang saya ucapkan kepada para graduan dan ahli keluarga ke Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM. Saya turut sama berkongsi rasa bangga dan gembira melihat kejayaan para graduan yang berjaya menamatkan pengajian pada hari bersejarah ini.
3. Kepada ibu bapa dan penjaga, saya yakin bahawa tiada kepuasan yang lebih indah selain daripada melihat kejayaan anak-anak. Sekalung penghargaan juga kepada barisan pensyarah, pentadbir dan pengurusan Universiti yang turut sama berganding bahu dalam

merealisasikan impian negara melahirkan generasi berilmu.

4. Dalam **Sidang ke-5** ini, kita akan menyaksikan seramai **910** graduan daripada **Kolej Pengajian Alam Bina** menerima ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing. Mereka merupakan graduan dari **Program Senibina, Perancangan Bandar dan Wilayah, Senibina Landskap, Senibina Dalaman, Ukur Bahan, Pembinaan, Sains Ukur dan Geomatik, Ukur Bangunan, Harta Tanah, serta Pengurusan Taman dan Ameniti.** Alhamdulillah, peratusan Tamat Pengajian Dalam Tempoh bagi graduan **Program Pengajian Alam Bina** secara keseluruhannya ialah **85%**. Syabas kepada semua.

**Hadirin yang dihormati,**

5. Matlamat utama UiTM adalah memastikan Graduan mendapatkan pekerjaan seawal 6 bulan pertama selepas bergraduasi. Peratusan kebolehpasaran terkini bagi graduan program Senibina, Perancangan dan Ukur ialah **89.4%**.

6. Baru-baru ini UiTM telah dianugerah sebagai **Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank**. Universiti telah menerima **6 Bintang** dalam pelbagai bidang antaranya bidang Reka Bentuk Dalaman.

7. UiTM turut tersenarai dalam **QS World University Rankings by Subject 2023**, yang mana subjek Seni Bina atau Persekutaran Binaan berada dalam

kedudukan 200 terbaik dunia.

8. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan graduan yang dihasilkan sentiasa memenuhi kebolehpasaran di peringkat global. Antaranya ialah melalui Perjanjian Persefahaman telah dilaksanakan dengan beberapa universiti, industri serta organisasi di peringkat tempatan dan antarabangsa. Contohnya seperti **Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta**, **Malaysian Institute of Planners**, **Brunei Institution of Geomatics**, **Universiti Bung Hatta**, **Indonesia**, **Karabuk University**, **Turkey**, dan **Shanghai Huace Navigation Technology, China**.

9. Kolaborasi ini melibatkan pembangunan aplikasi *remote sensing*, pembentukan pemikiran budaya dan

saintifik, pertukaran personnel, serta menjalankan penyelidikan, konsultasi, dan latihan dalam bidang hartanah yang membawa kepada pelaksanaan program yang memberi manfaat kepada graduan.

10. Antara programnya ialah **Jaringan Industri, Pertandingan Reka Bentuk Outlet He&She Coffee, Program CSR @ Kolej Alam Bina with Community, Alumni Talk, Siswa Preneur bersama Bank Rakyat, dan Webinar Industry Talk Series with CEO.**

11. Program Pengajian Alam Bina ini juga telah melahirkan ramai insan hebat yang menjadi penyumbang utama di persada pembangunan negara. Nama-nama seperti **Professional Town Planner (TPr.) Norliza Hashim** yang merupakan Pengarah Urusan A.J.M Planning & Urban Design Group, **Professional**

**Town Planner (TPr.) Dato' Rokibah Abdul Latif,**  
**mantan Ketua Pengarah PLAN Malaysia, Professional**  
**Architect (Ar.) Mustapha Mohd Salleh, Pengarah**  
**Arkitek Aliran Cipta, Profesor Dato' Surveyor (Sr.) Dr.**  
**Azimuddin Bahari, Timbalan Naib Canselor Universiti**  
**Geomatika Malaysia.**

**Para Graduan yang dikasihi,**

12. Dalam keadaan dunia hari ini, kita perlu memiliki kemahiran dan pengetahuan untuk mempertingkatkan diri dalam pasaran global. Para majikan sentiasa mencari calon yang mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang dinamik dan kebolehan berfikir secara kritis.

13. Realisasikan impian dan harapan ibu bapa dan penjaga, terus membanggakan mereka dengan menjadi insan berguna pada tanah air tercinta.

14. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan sekali lagi kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian pada hari ini. Semoga para graduan terus berjaya dan cemerlang menghadapi cabaran dan kehidupan yang mendatang.

Lepas terbang si anak helang

Cantik berkilat disinari suria

UiTM gemilang nama dijulang

Terus menyinar di persada dunia.

**Sekian.**

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**